

JANGKAAN PELABURAN BAGI BELIA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

KANMANI SUBRAMANIAM, MOHAMAD FAZLI SABRI
& HUSNIYAH ABDUL RAHIM

ABSTRAK

Pelaburan dikenalpasti sebagai suatu alternatif bagi meningkatkan pendapatan dan memberi perlindungan kepada risiko kewangan pada masa akan datang. Namun sebagai pelajar yang kebanyakannya belum lagi bekerja, mereka mungkin belum berpeluang lagi untuk terlibat dalam pelaburan disebabkan kekurangan sumber kewangan. Walaupun demikian, mereka berkemungkinan untuk melabur dalam usaha untuk mencapai kesejahteraan kewangan. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan pelaburan, sikap terhadap pelaburan dan jangkaan pelaburan bagi belia pelajar di Institusi Pengajian Tinggi tempatan. Persampelan rawak mudah digunakan bagi memperoleh 1000 responden yang terdiri daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi tempatan. Borang Soal Selidik yang ditadbir-sendiri oleh responden digunakan bagi mengumpulkan maklumat latar belakang, pengetahuan pelaburan, sikap terhadap pelaburan dan jangkaan pelaburan. Hasil kajian menunjukkan bahawa jangkaan dalam pelaburan bagi pelajar adalah sangat rendah dengan hanya satu pertiga pelajar sahaja dijangka akan terlibat dalam pelbagai jenis pelaburan. Begitu juga kurang daripada separuh responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan tinggi. Bagi tahap pengetahuan yang tinggi tidak ada responden yang cenderung dijangka untuk banyak terlibat dalam pelaburan. Namun bagi golongan dengan tahap pengetahuan yang rendah, tidak ramai yang menjangkakan mereka akan kurang melabur. Selain dari tahap pengetahuan, sikap terhadap pelaburan dikaji kesannya kepada jangkaan bagi pelaburan. Dalam hal ini, kebanyakan responden bersikap negatif terhadap pelaburan dan mereka ini menjangkakan diri mereka akan kurang terlibat dalam pelaburan. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini dapat menentukan samada pihak kerajaan atau pihak-pihak berkaitan perlu menggubal polisi baru atau mengubahsuai polisi yang sedia ada bagi membolehkan kalangan belia cenderung melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan yang sihat dan hasil tindakan kerajaan sebegini dapat mempertingkatkan pendapatan rakyat Malaysia serta ia berkemungkinan besar bakal menjadi pemangkin untuk merealisasikan potensi pertumbuhan Malaysia. Selain itu, pihak berkuasa harus memberi pendidikan pelaburan bagi kepentingan pelajar dan pengguna secara umumnya.

Kata Kunci: *Jangkaan Pelaburan, Belia, Kesejahteraan Kewangan, Pengetahuan Pelaburan, Sikap Pelaburan*

ABSTRACT

Investment is identified as an alternative to increase income and provide protection

from future financial risks. But as a youth who are still studying and mostly are not working, they have less opportunity to invest due to lack of financial resources. However, they are keen to invest in their effort to achieve better financial well-being. This study aim to examine the levels of investment knowledge, attitude towards investment and investment expectation among youth in local higher education institutions. Convenience sampling was used to obtain 1000 respondents from local higher education institutions. Self-administered questionnaire by respondents were collected on information related to respondent's background, type of investment expected to be involved, investment knowledge and attitude towards investment. The results showed that the expected investment level for youth was low with only one third of the respondents stated that they will invest in various types of investment in the future. Accordingly, less than half of the respondents had a moderate and high levels of investment knowledge. For respondents with high level of investment knowledge, no-one will invest in various types of investment and only one-third of them were expected to invest in only a few types of investment in their future life. However, for those with low and moderate levels of investment knowledge, almost two-third of them will be expected to invest in only a few types of investment. Regarding the effect of attitude towards investment in their future investment, most of them had negative attitude towards investment and they will be less keen to purchase an investment product in the future. By implication, this study suggests that the government or related parties should formulate new policies or modify existing policies to enable the youth tend to involve in healthy investment activities and results such government action can improve the youth income of Malaysia and likely will be a catalyst to realize the growth potential of Malaysia. In addition, the relevant authorities must provide investment education for the benefit of the youths in particular and consumers in general.

Keywords: *Investment Expectation, Youth, Financial Well-Being, Investment Knowledge, Attitude Towards Investment*

PENGENALAN

Aktiviti pelaburan diamalkan sejak ribuan tahun dahulu. Pulangan yang tinggi boleh dijanakan melalui aktiviti pelaburan walaupun ia mungkin melibatkan risiko yang tinggi. Sejak kebelakangan, individu telah mula menguruskan pendedahan kepada risiko ini secara efektif dan efisien. Pada pertengahan abad ketujuh belas, pertumbuhan dalam ekonomi dan perdagangan telah berlaku di negara barat sementara kekayaan yang diwarisi dari turun temurun tidak lagi diutamakan. Ini adalah kerana kekayaan boleh diterima, dicari, diakumulasi melalui pelaburan dan boleh dilindungi dari kerugian (Bernstein, 1998). Edward Lloyd telah memudahkan aktiviti pelaburan ini dengan mengembangkan industri insurans dan juga penyebaran maklumat mengenai pengambilan polisi insurans yang merupakan salah satu teknik pengurusan risiko yang bijak (Bailey dan Kinerson, 2005).

Sehubungan dengan itu, ruang penglibatan dalam pelaburan terutamanya

belia dalam dua dekad kebelakangan ini telah meningkat dengan adanya dasar-dasar kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Antara strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha ini ialah melalui penubuhan dana saham amanah iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan tujuan untuk membuka ruang dan menggalakkan penglibatan individu perseorangan supaya ia dapat meningkatkan tahap kesejahteraan kewangan individu disamping membolehkan individu menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan diikuti memahami risiko dan pulangan pelaburan bagi meningkatkan kewangan dan ekuiti mereka. Ia juga merupakan suatu alternatif untuk penyediaan kewangan dan jaminan pada masa hadapan.

Ekspektasi individu dalam pelaburan dikenalpasti sebagai satu alternatif bagi meningkatkan pendapatan. Kajian oleh Husniyah dan Fazilah (2009) mendapati pelaburan merupakan faktor yang paling mempengaruhi kesejahteraan kewangan diikuti dengan amalan simpanan berbanding amalan pengurusan kewangan lain. Oleh itu, kesejahteraan individu meningkat dengan meningkatnya pendapatan melalui pelaburan. Tetapi tidak semua aktiviti pelaburan dijangka mendatangkan pulangan atau menambahkan pendapatan. Ini kerana terdapat pelbagai jenis pelaburan di pasaran yang mendatangkan pendapatan yang lumayan dalam masa yang singkat tetapi ia boleh mengakibatkan kerugian yang besar. Ini bergantung kepada jenis pelaburan yang dipilih. Jenis-jenis pelaburan terdiri daripada pelaburan tunai dan faedah tetap (simpanan bank atau tetap), stok, saham amanah, hartanah, bon, insurans hayat atau takaful hayat dan foreks. Jadi, matlamat kewangan dan pelaburan seharusnya munasabah dan boleh dicapai yang bergantung kepada tahap pengetahuan dan sikap seseorang individu (Mohamed, 2009).

Menyimpan wang di dalam akaun simpanan atau akaun simpanan tetap adalah salah satu pelaburan yang paling selamat dan kurang berisiko. Walau bagaimanapun pulangan yang diterima adalah rendah dan ianya dipengaruhi oleh faktor inflasi semasa (kenaikan harga umum barangan dan perkhidmatan secara berterusan). Peningkatan kadar inflasi akan menyebabkan penurunan dalam kuasa beli wang dan kesan negatifnya akan menyebabkan pengurangan simpanan dan pelaburan seseorang. Sehubungan itu, pengguna perlu mempelbagaikan bentuk simpanan dan pelaburan mereka bagi mengatasi masalah inflasi yang akan memberi kesan terhadap nilai sebenar simpanan dan pelaburan. Pengguna perlu bijak dalam memilih instrumen simpanan dan pelaburan yang dapat memberikan pulangan yang lebih tinggi atau baik berbanding kadar inflasi semasa iaitu sekitar 3-4%. Selain itu, Mohamed (2009) telah menggalakkan dan memberi nasihat kepada individu melalui terbitan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu dalam memilih sesuatu jenis pelaburan, individu perlu mempunyai pengetahuan atau pengalaman tentang aktiviti tersebut. Ini kerana semakin tinggi pulangan, maka semakin tinggi risiko yang ditanggung melalui sesuatu pelaburan. Sehubungan dengan itu sesebuah pelaburan yang mendatangkan pulangan yang lumayan akan melibatkan pelaburan wang yang agak banyak. Kerajaan juga telah menggalakkan pelaburan individu dalam saham ekuiti melalui Dasar Penswastan di mana organisasi kerajaan yang

tertentu telah diswastakan dari segi pengurusannya (Rancangan Malaysia Ke-10). Ini menjadikan organisasi kerajaan itu sebagai suatu entiti tersendiri yakni menjadi sebuah syarikat. Namun terdapat juga pelaburan yang tidak sah yang menjanjikan pulangan lumayan dengan risiko yang dikatakan rendah contohnya pelaburan di dalam skim cepat kaya.

Sementara itu kebanyakan individu mula melabur pada suatu tahap umur iaitu kebanyakannya selepas umur 15 tahun (Volpe, Kotel, dan Chen, 2002). Walaupun sesetengah ibu bapa melabur dalam amanah saham bagi kepentingan anak mereka tetapi individu mula penglibatkan diri dalam pelaburan pada awal umur 15 hingga 20 tahun (Hanna dan Chen, 1996). Menurut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (2007) pula mendefinisikan umur belia di Malaysia adalah antara 15 hingga 40 tahun. Ini menunjukkan penglibatan golongan belia masih lagi di tahap yang rendah tetapi kemungkinan besar mereka juga akan melabur apabila mula memperolehi pendapatan melalui sesuatu pekerjaan. Disebabkan itu mereka harus lebih peka dan mengetahui mengenai aktiviti serta kepentingan pelaburan. Persediaan pelaburan ini juga membantu mereka daripada terjebak dengan pelaburan yang berisiko dan belia juga dapat memilih pelaburan yang bersesuaian mengikut kemampuan mereka. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi fokus kepada kumpulan umur belia yang sudah atau telah bekerja dan mengaitkan tingkahlaku simpanan dan pelaburan dengan perancangan persaraan. Walau bagaimanapun hanya sebilangan kecil sahaja kajian lepas yang memberi tumpuan kepada kumpulan belia pelajar dalam topik kajian ini (Volpe, Kotel, dan Chen 2002). Kajian ini dilakukan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang tahap pengetahuan dan sikap belia terhadap pelaburan yang merupakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang terdiri dalam kalangan umur belia iaitu antara 15 tahun sehingga 40 tahun. Sejurus dengan itu kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut.

Kajian lepas menunjukkan bahawa pengetahuan memainkan peranan yang penting dalam penglibatan seseorang individu untuk membuat pelaburan (Hogarth, Beverly, dan Hilgert, 2003). Sekiranya ingin melabur seseorang perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman dalam setiap instrumen atau produk pelaburan yang dipilih. Ini kerana ia ada kaitannya dengan konsep "high risk high return". Biasanya instrumen atau produk pelaburan yang berisiko tinggi seperti saham mempunyai pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan produk pelaburan yang lebih selamat atau kurang berisiko seperti unit amanah. Sekiranya pelabur kurang berpengetahuan ianya akan mempengaruhi jangkaan pelaburan mereka di mana pelabur cenderung memilih produk kewangan yang tidak bersesuaian dengan tahap toleransi risiko kewangan mereka. Ada di kalangan mereka mungkin terlibat dalam pelaburan yang tidak sah seperti skim cepat kaya. Implikasinya mereka akan mengalami kerugian, tertipu dan akhirnya membawa kepada masalah keberhutangan. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana pengetahuan belia di institusi pengajian tinggi mengenai pelaburan? Bagaimanakah sikap mereka terhadap pelbagai jenis pelaburan? Apakah jangkaan mereka untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan yang ada?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan objektif-objektif berikut iaitu:-

- i. Untuk mengenalpasti pengetahuan dan tahap pengetahuan mengenai pelaburan dalam kalangan belia.
- ii. Untuk menentukan sikap terhadap pelaburan dalam kalangan belia.
- iii. Untuk menentukan jangkaan pelaburan bagi belia berdasarkan jenis pelaburan.
- iv. Untuk membandingkan tahap pengetahuan dengan tahap jangkaan pelaburan dalam kalangan belia.

TINJAUAN LITERATUR

Tokoh-tokoh seperti Hogarth, Beverly, dan Hilgert (2003) menyimpulkan bahawa pengetahuan kewangan adalah penting di mana golongan isi rumah yang kerap terlibat dalam aktiviti-aktiviti pelaburan seperti seminar pelaburan yang bijak dan lawatan ke bahagian operasi bank pelaburan yang dianjurkan oleh pakar adalah mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan kewangan yang mendalam. Golongan ini didapati mempunyai indeks pengurusan pelaburan yang tinggi. Seiring dengan itu, pengetahuan pelaburan menunjukkan perkaitan yang penting dalam kualiti pembuatan keputusan pelaburan.

Dalam beberapa kajian lepas yang telah dijalankan dalam kalangan belia juga mendapati bahawa pengetahuan pelaburan mempunyai implikasi yang besar terhadap tingkah laku kewangan individu di mana belia yang mempunyai pengetahuan pelaburan yang rendah adalah mereka yang cenderung mempunyai masalah hutang (Lusardi dan Tufano, 2009), kurang cenderung melabur dalam pasaran saham (Van Rooij, Lusardi, dan Alessie, 2007), kurang berkemungkinan untuk mengumpul kekayaan dan mengurus kewangan dengan bijak (Stango dan Zinman, 2007; Hilgert, Hogarth, dan Beverly, 2003) dan kurang berkemungkinan untuk membuat perancangan persaraan yang awal (Lusardi dan Mitchell, 2006). Jadi pengetahuan pelaburan merupakan satu komponen penting dalam membuat keputusan pelaburan yang kukuh dan ramai belia yang ingin mempunyai lebih pengetahuan pelaburan bagi melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan (Lusardi, Mitchell, dan Curto, 2010).

Penyertaan individu dalam pelaburan masih di tahap yang rendah. Ini disebabkan oleh individu mempunyai pengetahuan yang rendah bagi mana-mana produk pelaburan. Ini dapat dilihat di Itali di mana hanya satu pertiga daripada isi rumah mempunyai pengetahuan tinggi mengenai stok dan saham amanah. Maka menurut Guiso dan Jappelli (2005), keadaan ini membawa kepada penglibatan yang rendah dan pengabaian terhadap saham-saham tertentu. Diikuti pula dengan Haurin

dan Morrow-Jones (2006) yang menyimpulkan bahawa pengetahuan pasaran kewangan yang berbeza membawa kepada pemilikan rumah yang rendah oleh isi rumah. Ini menunjukkan faktor yang sama akan mempengaruhi ketidakcenderungan untuk melabur dalam saham yang boleh mendatangkan risiko tinggi.

Perkaitan antara pengetahuan dan aktiviti pelaburan dibuktikan oleh Lusardi dan Mitchell (2006) iaitu persoalan-persoalan yang mudah tidak dijawab dengan betul oleh isi rumah. Ini kerana mereka mempunyai pengetahuan yang rendah terhadap pelaburan. Hal ini menyebabkan mereka kurang melabur untuk persaraan mereka. Pelabur yang terdiri dalam kalangan pelajar kolej, mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang produk pelaburan dan transaksinya, biasanya mereka melabur di peringkat antarabangsa dan juga akan mempelbagaikan pelaburan (Graham, Harvey, dan Huang, 2004). Ini disokong oleh kajian Benjamin, Brown, dan Shapiro (2006), di mana penyertaan rendah dalam pasaran kewangan oleh individu adalah disebabkan oleh pemilikan keupayaan kognitif yang lemah. Sejurus dengan itu bagi isi rumah di Australia, tahap pengetahuan kewangan yang berbeza memberikan portfolio dengan nisbah aset berisiko yang berbeza dengan perkaitan kolerasi yang positif antara nisbah aset berisiko dengan pencapaian akademik di mana individu yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi harus mempunyai pengetahuan pelaburan yang tinggi sejurus mereka cenderung untuk melabur dalam aset berisiko dan berkemungkinan mereka mendapat pulangan yang tinggi (Cardak dan Wilkin, 2008).

Selain itu, elemen yang penting dalam mempengaruhi pola pelaburan adalah sikap individu terhadap risiko pelaburan kewangan. Petersen (1996) menyatakan bahawa melabur aset dalam program pencen harus bergantung dengan tahap toleransi risiko kewangan pekerja. Beberapa kajian empirikal mengenai toleransi risiko mendapati bahawa faktor yang berkaitan dengan risiko kewangan berubah-ubah secara sistematik dengan ciri-ciri demografi dan kewangan isi rumah yang membayangkan bahawa risiko kewangan merupakan refleksi daripada faktor kecirian responden dan juga faktor subjektif (Sung dan Hanna, 1996). Hanna dan Chen (1997) mendapati bahawa faktor-faktor objektif seperti horizon dan nisbah aset kewangan kepada semua kekayaan haruslah lebih penting daripada toleransi risiko subjektif dalam pemilihan portfolio yang optimum bagi melibatkan diri dalam pelaburan.

Sungguhpun pelaburan selain dari simpanan dapat memberi pulangan yang lebih baik, ia akan mengakibatkan risiko yang lebih tinggi kerana berkemungkinan besar pelaburan tersebut akan jatuh nilainya dan tidak akan berkekalan di pasaran (Mohamed, 2009). Selain dari simpanan, stok, saham amanah, hartanah, bon, insurans nyawa atau takaful nyawa dan foreks juga dikategorikan sebagai pelaburan.

Stok dianggap sebagai jenis pelaburan yang berisiko berbanding dengan jenis pelaburan yang lain, di mana individu melabur dalam pasaran saham berikutan adanya saham yang mendatangkan pulangan yang tinggi walaupun menjangkakan

wujudnya risiko yang tinggi. Terdapat beberapa faktor yang kerap mempengaruhi individu dalam pelaburan saham iaitu seperti orientasi masa dan toleransi risiko yang telah dibincangkan dalam kajian teorikal dan empirikal yang berkaitan dengan keputusan portfolio individu (Jacobs-Lawson dan Hershey, 2005). Bagi pelajar yang mempunyai orientasi masa hadapan, saham bukan sahaja mendatangkan pulangan yang tinggi berbanding dengan bon malahan, saham merupakan jenis pelaburan yang selamat dalam hal memiliki akumulasi aset nyata yang lebih tinggi dalam jangka panjang (Hanna dan Chen, 1996).

Secara kesimpulannya terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penyertaan atau penglibatan individu dalam pelaburan antaranya adalah faktor sosiodemografi dan ekonomi (tahap pendidikan, pendapatan, nisbah aset kewangan), pengetahuan, sikap, orientasi masa dan toleransi risiko kewangan.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel kajian ini melibatkan golongan belia yang merupakan siswa IPTA di Semenanjung Malaysia sahaja. Sebanyak empat IPTA tempatan dipilih melalui persampelan rawak mudah berdasarkan senarai IPTA yang berada di Negeri Selangor iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Islam Antarabangsa. Kajian ini menggunakan Borang Soal Selidik yang diedarkan kepada 250 pelajar pra-siswazah di setiap institusi dengan diisi sendiri oleh mereka. Kutipan data dijalankan di perpustakaan universiti masing-masing dengan mengedarkan borang soal-selidik kepada pelajar-pelajar yang berada dalam perpustakaan berkenaan. Responden dimaklumkan bahawa borang soal-selidik yang lengkap diisi akan dikutip dalam masa kira-kira 30 minit serta akan diberikan cenderahati. Terdapat beberapa pelajar enggan menjadi responden disebabkan mereka tidak berada lama di perpustakaan. Proses kutipan data ini dibuat beberapa kali meliputi ruang dan tingkat yang berbeza pada hari yang sama dan pada hari berbeza sehingga diperolehi sebanyak 250 borang yang lengkap diisi. Dalam hal ini, terdapat juga pelajar yang menolak dari menerima borang soal-selidik kerana telah menjadi responden untuk kajian ini. Keseluruhannya, kutipan data yang dijalankan pada Semester 2 Sesi 2009/2010 melibatkan sejumlah 1,000 responden.

Borang soal selidik antara lainnya mengandungi maklumat latar belakang responden, pengetahuan mengenai pelaburan, sikap terhadap pelaburan dan jangkaan pelaburan berdasarkan jenis pelaburan yang mereka akan terlibat. Pernyataan bagi pengetahuan mengenai pelaburan dirujuk daripada pelbagai sumber iaitu buku-buku kewangan dan kajian lepas. Respon bagi pengetahuan diberikan sebagai "Ya", "Tidak" dan "Tidak Tahu". Selain itu, pengukuran sikap terhadap pelaburan responden dibuat melalui lima skala Likert iaitu dari "1 = Sangat Tidak Setuju" (STS) sehingga "5 = Sangat Setuju" (SS). Ini diikuti dengan soalan mengenai jangkaan pelaburan oleh mereka. Respon bagi soalan "Adakah anda akan melabur dalam jenis-jenis pelaburan berikut?" digunakan di mana respon "Ya" bagi semua jenis pelaburan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah jenis jangkaan pelaburan.

Sehubungan dengan ini, analisa deskriptif dijalankan bagi menerangkan latar belakang responden serta menentukan tahap pengetahuan, sikap dan jangkaan pelaburan dalam kalangan belia berdasarkan jenis pelaburan. Perhubungan di antara tahap pengetahuan dan tahap jangkaan pelaburan ditentukan dengan menggunakan kaedah tabulasi silang dan nilai khi-kuasadua, begitu juga dengan perhubungan di antara kategori sikap (negatif dan positif) dengan tahap jangkaan pelaburan dalam kalangan belia berdasarkan jenis pelaburan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang responden yang diperolehi adalah jantina, umur, tahun pengajian, bangsa, mengikuti kursus pelaburan, penglibatan dalam bidang pelaburan dan jenis pelaburan yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

| Latar Belakang Responden | Frekuensi (N = 1,000) | Peratus (%) |
|--|----------------------------------|------------------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 401 | 40.1 |
| Perempuan | 599 | 59.9 |
| Umur | | |
| 17-20 tahun | 344 | 34.4 |
| 21-25 tahun | 640 | 64.0 |
| 26-30 tahun | 16 | 1.6 |
| Min:21.45 | | |
| Tahun Pengajian | | |
| Pertama | 291 | 29.1 |
| Kedua | 338 | 33.8 |
| Ketiga | 314 | 31.4 |
| Keempat | 57 | 5.7 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 796 | 79.6 |
| Cina | 139 | 13.9 |
| India | 22 | 2.2 |
| Lain-lain | 43 | 4.3 |
| Pernah Mengambil Kursus Pelaburan | 408 | 40.8 |
| Penglibatan dalam Pelaburan | | |
| Ya | 327 | 32.7 |
| Tidak | 673 | 67.3 |
| Jenis Pelaburan | | |
| Saham Amanah | 117 | 11.7 |
| Hartanah | 9 | 0.9 |

| | | |
|------------------------|-----|------|
| Bon | 8 | 0.8 |
| Akaun Emas | 18 | 1.8 |
| Stok/Ekuiti | 26 | 2.6 |
| Foreks | 6 | 0.6 |
| Insurans/Takaful Hayat | 185 | 18.5 |

Hasil analisa menunjukkan golongan perempuan lebih ramai menjadi responden iaitu sebanyak 59.9% berbanding golongan lelaki sebanyak 40.1%. Manakala analisa mengikut kategori umur bagi belia ini menunjukkan hampir dua pertiga responden berada dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 25 tahun iaitu golongan umur yang paling ramai. Responden yang paling muda berumur 17 tahun serta yang paling tua berumur 30 tahun, manakala purata umur keseluruhan adalah sekitar 21.45 tahun.

Analisa mengikut tahun pengajian di IPT menunjukkan paling ramai responden merupakan pelajar di tahun pengajian kedua (33.8%) manakala selebihnya adalah pelajar tahun pengajian ketiga (31.4%), tahun pengajian pertama (29.1%) dan pelajar tahun pengajian keempat (5.7%). Seterusnya hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan responden terdiri daripada bangsa Melayu (79.6%), diikuti responden berbangsa Cina (13.9%) dan responden berbangsa India (2.2%) serta selebihnya terdiri daripada lain-lain bangsa (4.3%). Selain daripada itu didapati kurang separuh daripada responden (40.8%) mengambil kursus pelaburan sama ada di dalam atau di luar kampus. Pengambilan kursus pelaburan boleh menggambarkan pengetahuan mereka mengenai pelaburan, dengan itu dalam hal ini dijangkakan tidak ramai yang mengetahui mengenai pelaburan dalam kalangan mereka.

Insurans hayat atau takaful hayat merupakan jenis pelaburan tertinggi yang dilabur oleh belia (18.5%), manakala sebanyak 11.7% melabur dalam saham amanah, diikuti pula stok atau ekuiti (2.6%), akaun emas (1.8%) serta hanya sebanyak 0.9% melabur dalam hartanah dan 0.8% melabur dalam bon sementara baki sebanyak 0.6% terlibat dalam pelaburan foreks. Penglibatan paling tinggi dalam insurans atau takaful hayat ini berkemungkinan disebabkan oleh sebahagian polisi berkenaan dibeli oleh ibu bapa mereka sejak mereka kecil. Walaupun begitu, penglibatan dalam jenis pelaburan yang lain boleh merupakan inisiatif belia berkenaan. Secara keseluruhan, penglibatan dalam pelbagai produk pelaburan masih rendah dalam kalangan responden belia ini.

Pengetahuan Pelaburan

Pelbagai perkara mengenai pelaburan ditanya kepada responden. Antara perkara mengenai pelaburan yang paling banyak diketahui adalah “Sekiranya saya tidak suka kepada risiko, jenis pelaburan yang saya mungkin pilih adalah bon kerajaan berbanding dengan saham amanah” sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2, tetapi ia dijawab betul hanya oleh sebanyak 38.9% daripada responden. Ini diikuti oleh pengetahuan mengenai stok iaitu stok merupakan pelaburan berisiko tinggi yang menghasilkan pulangan yang tinggi (38.2%), stok merupakan jenis pelaburan yang

secara umumnya menawarkan perlindungan terbaik bagi inflasi dalam tempoh yang panjang (29.7%) dan semua jenis pelaburan berpulangan tinggi mempunyai risiko kerugian yang tinggi iaitu sebanyak 36.8%. Dalam hal ini, tidak ramai responden mengetahui bahawa bon kerajaan adalah lebih rendah risikonya berbanding dengan saham amanah. Begitu juga, mereka kurang mengetahui bahawa stok merupakan pelaburan yang berisiko tinggi namun boleh merupakan pelaburan yang selamat bagi menghadapi inflasi dalam jangka panjang. Selain itu, tidak ramai responden mengetahui bahawa bagi semua pelaburan yang boleh memberikan pulangan tinggi, pelabur berhadapan dengan risiko yang tinggi untuk mengalami kerugian. Keadaan ini boleh membawa kepada kerugian yang besar dalam pelaburan di mana belia berkemungkinan memilih pelaburan yang boleh menawarkan pulangan yang besar semata-mata tanpa menyedari mereka juga berhadapan dengan risiko kerugian yang tinggi.

Lanjutan dari ini, golongan yang tidak mengetahui mengenai risiko tinggi yang perlu dihadapi oleh mereka dalam memperolehi pulangan pelaburan yang tinggi, berkemungkinan terjebak dalam skim cepat kaya yang kononnya menawarkan pelaburan dengan keuntungan yang lumayan tanpa risiko. Bagi skim sebegini, kadar pulangan yang tinggi hanya diperolehi dalam tempoh yang pendek dengan jumlah pulangan yang kurang dari modal yang dilaburkan. Pelabur skim cepat kaya sebenarnya tidak memperolehi keuntungan yang besar malahan mengalami kerugian yang besar.

Sementara itu kurang daripada satu pertiga responden menyatakan insurans atau takaful hayat boleh ubah dapat mengumpulkan nilai tunai dan cukai terhadapnya ditunda ke masa hadapan (31.3%) serta atribut bagi saham amanah adalah kepelbagaian dan pengurusan profesional (30.2%). Insurans atau takaful hayat boleh ubah merupakan suatu bentuk pelaburan yang tidak dikenakan cukai semasa premium dibayar untuk polisi berkenaan walaupun terdapat pulangan diperolehi dari caruman yang dibuat. Cukai hanya dikenakan terhadap pulangan berkenaan setelah polisi berkenaan matang di mana pencarum akan memperoleh jumlah nilai tunai bagi pelaburan jenis ini. Bagi jenis pelaburan yang lain, cukai pendapatan terhadap pulangan perlu dibayar oleh pelabur untuk tahun pulangan itu diperolehi, dengan itu pembayaran cukai dilakukan setiap tahun. Oleh yang demikian pelaburan jenis insurans atau takaful ini memudahkan urusan pembayaran cukai kerana pembayaran cukai hanya dibuat sekali sahaja pada masa hadapan iaitu pada ketika polisi matang berbanding dengan jenis pelaburan yang lain. Merujuk kepada tidak ramainya responden mengetahui bahawa saham amanah mempunyai atribut kepelbagaian dan pengurusan profesional, ini mungkin boleh menyebabkan mereka tidak melihat saham amanah sebagai suatu pelaburan yang selamat. Kepelbagaian risiko dan pulangan bagi saham amanah dengan diuruskan secara profesional dapat menghasilkan suatu tahap risiko yang boleh dianggap rendah. Justeru, pelaburan dalam saham amanah adalah paling sesuai bagi pelabur yang kurang mahir.

Selain itu, hanya satu perempat daripada responden mengetahui bahawa

secara umumnya portfolio dengan 80% asetnya berbentuk stok adalah lebih sesuai bagi individu pertengahan umur yang hendak melabur untuk tujuan persaraan berbanding mereka yang muda atau yang tua. Begitu juga hampir seperempat responden berpengetahuan mengenai cara untuk mengurangkan risiko pelaburan iaitu jika mereka hanya melabur dalam stok tempatan, mereka boleh mengurangkan risiko keseluruhan dengan menambahkan stok antarabangsa. Dalam hal portfolio pelaburan, sekiranya responden adalah seorang yang muda atau yang tua, pelaburannya dalam stok hendaklah sebaiknya kurang dari 80% daripada jumlah pelaburannya. Ini bermakna individu pada peringkat umur berkenaan sewajarnya melabur lebih banyak dalam saham amanah ataupun bon kerajaan berbanding melabur dalam stok atau ekuiti syarikat untuk mengelak kerugian yang besar. Individu yang muda biasanya tidak mempunyai simpanan yang banyak bagi menampung kerugian yang akan berlaku sekiranya pelaburan dalam stok mengalami kerugian. Manakala bagi golongan yang tua, walaupun mereka mempunyai simpanan yang banyak tetapi simpanan ini diperlukan untuk masa tua atau ketika mereka bersara. Selain dari mempunyai peratusan yang kecil untuk aset berisiko tinggi dalam sesuatu portfolio pelaburan bagi mengurangkan risiko, penambahan saham dalam bentuk pelaburan antarabangsa boleh juga mengurangkan risiko keseluruhan. Namun, ini juga kurang diketahui oleh responden.

Secara keseluruhannya, hasil analisa menunjukkan hanya sekitar suku hingga satu pertiga responden sahaja mengetahui pelbagai perkara mengenai pelaburan. Kajian juga menunjukkan secara keseluruhannya bagi ke semua pernyataan pengetahuan, separuh daripada responden mengakui bahawa mereka tidak mengetahui mengenai aspek pelaburan yang ditanya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa belia responden mempunyai pengetahuan yang rendah mengenai pelbagai aspek pelaburan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Guiso dan Jappelli (2005) di mana hanya sepertiga daripada respondennya di Itali berpengetahuan tinggi dalam hal pelaburan. Namun responden dalam kajiannya merupakan isi rumah yang terdiri dari golongan belia dan mereka yang lebih tua.

Jadual 2: Pengetahuan Pelaburan

| | Pengetahuan Pelaburan | Ya(%) |
|---|--|--------------|
| 1 | Semua jenis pelaburan samada saham amanah, stok, atau bon berpulangan tinggi mempunyai risiko kerugian. | 36.8 |
| 2 | Jika anda hanya melabur dalam stok tempatan, anda boleh mengurangkan risiko keseluruhan dengan menambahkan stok antara bangsa. | 22.5 |
| 3 | Atribut bagi saham amanah adalah kepelbagaian dan pengurusan profesional. | 30.2 |
| 4 | Stok adalah jenis pelaburan yang secara umumnya menawarkan perlindungan terbaik bagi inflasi dalam tempoh yang panjang. | 29.7 |
| 5 | Sekiranya saya tidak suka kepada risiko, jenis pelaburan yang saya mungkin pilih adalah bon kerajaan berbanding dengan saham amanah. | 38.9 |


| | | |
|---|---|------|
| 6 | Secara umumnya, suatu portfolio yang mempunyai 80% daripada asetnya berbentuk stok adalah lebih sesuai bagi individu pertengahan umur yang melabur untuk persaraan berbanding mereka yang muda atau yang tua. | 24.0 |
| 7 | Insuran/takaful hayat boleh-ubah dapat mengumpulkan nilai tunai dan cukai terhadapnya ditunda ke masa hadapan. | 31.3 |
| 8 | Stok adalah pelaburan berisiko tinggi yang menghasilkan pulangan yang tinggi. | 38.2 |

*Semua pernyataan adalah benar

Tahap Pengetahuan Pelaburan

Apabila tahap pengetahuan pelaburan diteliti dalam Rajah 1, didapati kebanyakan responden dalam kalangan belia di IPTA berpengetahuan sederhana (42.7%), diikuti dengan mereka yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (37.3%) dan hanya sebanyak 20% responden sahaja berada pada tahap pengetahuan yang rendah. Walaupun sebanyak 40.8% daripada responden mengaku pernah mengambil kursus pelaburan, mereka yang berpengetahuan tinggi dalam pelaburan adalah lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian kecil responden tidak memahami atau lupa apa yang telah dipelajari. Secara keseluruhannya, tidak ramai daripada responden yang berpengetahuan tinggi dalam aspek pelaburan. Ini mungkin disebabkan ramai yang beranggapan bahawa pelaburan melibatkan sejumlah wang yang banyak dan berisiko tinggi, dengan itu tidak menarik minat mereka untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelaburan.

Rajah 1: Tahap Pengetahuan Pelaburan



Sikap Terhadap Pelaburan

Jadual 3 menunjukkan taburan sikap belia pelajar terhadap pelaburan. Sebanyak tiga perempat daripada responden (73.2%) menyatakan bahawa mereka akan melabur hanya dalam pelaburan berkonsepkan halal-syariah sementara sebanyak 79.1% responden bersetuju untuk melabur dalam pelaburan yang ditawarkan oleh agensi berdaftar. Selain itu, sebanyak dua pertiga daripada responden (64.8%) bersetuju untuk melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan modal

dalam masa kurang enam bulan dan juga mereka akan melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan menguntungkan dengan menggunakan modal pelaburan yang kecil (66.9%).

Respon yang tinggi kepada pernyataan-pernyataan di atas menunjukkan sikap belia yang serius dalam kecenderungan untuk memilih jenis pelaburan yang ingin mereka ceburi. Antara perkara-perkara yang dititikberatkan adalah seperti samada pelaburan yang dipilih halal dan berdaftar atau tidak serta pada masa yang sama juga begitu berminat dengan pulangan yang tinggi dalam masa yang pendek serta menggunakan modal yang kecil. Dalam hal ini, responden melihat pelaburan sebagai suatu sumber pendapatan yang besar tetapi hanya sanggup menggunakan modal yang kecil. Mereka kurang cenderung berorientasikan masa hadapan di mana lebih berkehendakkan pulangan yang besar dalam jangka masa yang pendek.

Selain itu, hasil kajian mendapati sikap belia yang kurang berminat untuk menyediakan orang bawahan dalam memastikan keuntungan boleh diperolehi. Ini dapat dibuktikan dengan maklum balas responden menunjukkan dua pertiga daripada responden didapati bersikap kurang cenderung untuk melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan menguntungkan tetapi memerlukan mereka untuk mempunyai barisan-bawahan (down-line) untuk memastikan mendapat keuntungan (65.3%). Hasil ini menggambarkan kalangan belia pelajar tidak bersedia untuk berusaha lebih bagi memperoleh keuntungan sebaliknya mencari jalan mudah bagi mengaut keuntungan.

Jadual 3: Taburan Sikap Terhadap Pelaburan

| Sikap Terhadap Pelaburan | STS (%) | TS (%) | KS (%) | S (%) | SS (%) |
|--|---------|--------|--------|-------|--------|
| 1 Saya akan melabur hanya dalam pelaburan halal-syariah. | 3.3 | 5.7 | 17.8 | 40.7 | 32.5 |
| 2 Saya hanya akan melabur dalam pelaburan yang ditawarkan oleh agensi berdaftar. | 2.3 | 3.5 | 15.1 | 45.6 | 33.5 |
| 3 Saya akan melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan modal dalam masa kurang 6 bulan. | 6.1 | 6.5 | 22.6 | 53.1 | 11.7 |
| 4 Saya akan melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan menguntungkan dengan menggunakan modal pelaburan yang kecil. | 3.0 | 8.5 | 21.6 | 53.8 | 13.1 |
| 5 Saya akan melabur dalam agensi yang menawarkan jaminan pulangan menguntungkan walaupun memerlukan saya untuk mempunyai barisan-bawahan (down-line) untuk memastikan mendapat keuntungan. | 6.2 | 10.3 | 48.8 | 29.2 | 5.5 |

Petunjuk: STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

KS = Kurang Setuju


S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Kategori Sikap Terhadap Pelaburan

Apabila perbandingan skor sikap terhadap pelaburan secara keseluruhan diteliti berdasarkan Rajah 2, didapati lebih daripada separuh responden (57.4%) adalah bersikap negatif terhadap pelaburan yang menguntungkan. Ini menunjukkan bahawa masih ramai belia pelajar tidak memikirkan mengenai keuntungan semata-mata dalam pelaburan yang dibuat. Hasil kajian ini tidak dapat dibandingkan dengan kajian lepas kerana tiada kajian mengenai sikap terhadap pelaburan diperolehi dari tinjauan literatur yang dibuat.


Rajah 2: Kategori Sikap Terhadap Pelaburan



Jangkaan Pelaburan Berdasarkan Jenis Pelaburan

Berdasarkan Rajah 3, analisa terhadap jangkaan belia dalam pelaburan menunjukkan hanya satu pertiga sahaja daripada responden akan melabur dalam pelbagai jenis pelaburan. Jenis pelaburan yang tertinggi yang dijangka untuk dilabur oleh pelajar adalah insurans hayat atau takaful hayat (36.9%). Ini diikuti oleh jangkaan pelaburan dalam hartanah (23.2%), akaun emas (21.4%), saham amanah (18.6%), stok atau ekuiti (10.4%) dan selebihnya adalah bon (8.8%) dan foreks (6.7%). Jangkaan penglibatan paling tinggi dalam insurans atau takaful hayat ini berkemungkinan disebabkan oleh responden merasakan ia merupakan salah satu teknik yang agak mudah dalam menguruskan risiko pelaburan dan ia dianggap sebagai suatu alternatif kewangan untuk masa kecemasan seperti apabila berlaku kemalangan atau kematian. Berkemungkinan kecenderungan yang kurang oleh pelajar untuk melabur dalam jenis-jenis pelaburan yang lain adalah disebabkan oleh mereka kurang mengetahui atau memahami mengenai pelaburan-pelaburan yang berkenaan.

Rajah 3: Jangkaan Pelaburan Berdasarkan Jenis Pelaburan



Tahap Pengetahuan Pelaburan dan Tahap Jangkaan Pelaburan

Bagi membandingkan tahap pengetahuan dengan tahap jangkaan pelaburan dalam kalangan responden, tabulasi silang dilakukan bagi kedua-dua tahap (Jadual 4). Semua responden mempunyai jangkaan pelaburan yang rendah sahaja. Dengan itu hasil analisa tabulasi silang adalah antara jangkaan pelaburan rendah dengan tiga tahap pengetahuan pelaburan. Hasil kajian mendapati bahawa dalam kalangan belia pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan pelaburan yang tinggi tiada responden yang dijangka melabur dalam pelbagai jenis pelaburan. Sebaliknya melebihi satu pertiga responden berada dalam tahap jangkaan pelaburan yang rendah (37.3%). Dengan pengetahuan yang tinggi mengenai pelaburan, golongan belia pelajar ini sewajarnya adalah kompeten untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan.

Selain itu, hanya satu perlima belia pelajar sahaja mempunyai tahap jangkaan pelaburan yang rendah bagi mereka yang mempunyai tahap pengetahuan pelaburan yang rendah. Malahan kalangan belia pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan pelaburan sederhana sebaliknya paling ramai mempunyai tahap jangkaan pelaburan yang rendah iaitu 42.7%, iaitu paling ramai dijangkakan kurang melabur. Ini menunjukkan ramai daripada golongan berpengetahuan pelaburan yang rendah berkecenderungan tinggi untuk terlibat dalam pelaburan. Sepatutnya diharapkan mereka yang berpengetahuan pelaburan yang rendah akan lebih ramai yang kurang cenderung untuk melabur. Begitu juga, tidak dapat dilihat bahawa mereka yang berpengetahuan pelaburan tinggi cenderung untuk melabur. Hasil kajian yang diperolehi didapati tidak selari dengan hasil kajian lepas oleh Hogarth et al. (2003), Graham et al. (2004) dan, Lusardi dan Mitchell (2006). Namun kajian ini merujuk kepada jangkaan untuk melabur berbanding kajian-kajian lepas yang merujuk kepada pelaburan yang sebenar. Dapatan kajian ini menggambarkan

bahawa responden berkemungkinan akan berhadapan dengan risiko pelaburan yang tinggi di mana mereka yang kurang mengetahui aspek pelaburan menjalankan aktiviti melabur tanpa mengetahui risiko-risiko yang bakal mereka hadapi. Oleh itu mereka tidak bersedia untuk berhadapan dengan kemungkinan berlakunya risiko kewangan yang boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan belia.

Jadual 4: Tabulasi Silang Tahap Pengetahuan Pelaburan Dengan Jangkaan Pelaburan

| Tahap Pengetahuan Pelaburan | Jangkaan Pelaburan |
|-----------------------------|--------------------|
| | Rendah (%) |
| Rendah | 20.0 |
| Sederhana | 42.7 |
| Tinggi | 37.3 |

Jadual 5 menunjukkan bandingan kategori sikap dan tahap jangkaan pelaburan dalam kalangan responden setelah tabulasi silang dilakukan bagi kedua-dua tahap. Berdasarkan jadual ini, ia menunjukkan bahawa kebanyakan belia pelajar yang bersikap negatif tentang pelaburan mempunyai tahap jangkaan pelaburan yang rendah serta selebihnya belia pelajar mempunyai sikap pelaburan yang positif iaitu sebanyak 42.6%. Namun tidak dapat dijamin bahawa hanya golongan yang mempunyai sikap yang positif terhadap pelaburan sahaja akan kelak merupakan golongan yang terlibat dalam pelaburan. Ini kerana hasil kajian menunjukkan bahawa mereka yang bersikap positif terhadap pelaburan dijangka tidak cenderung untuk melabur kelak. Perbandingan dengan kajian lepas tidak dapat dibuat kerana tiada kajian lepas mengenai hubungkait di antara sikap pelaburan dengan jangkaan pelaburan diperolehi setakat ini. Kajian lepas yang diperolehi melibatkan sikap terhadap risiko kewangan atau toleransi risiko dan faktor-faktor yang mempengaruhinya tanpa melibatkan sebarang aktiviti pelaburan.

Jadual 5: Tabulasi Silang Kategori Sikap Pelaburan Dengan Jangkaan Pelaburan

| Kategori Sikap Pelaburan | Jangkaan Pelaburan |
|--------------------------|--------------------|
| | Rendah (%) |
| Negatif | 57.4 |
| Positif | 42.6 |

KESIMPULAN

Umumnya kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah tahap pengetahuan, sikap terhadap pelaburan dan jangkaan pelaburan bagi belia di Institusi Pengajian Tinggi tempatan. Hasil analisa kajian mendapati bahawa belia pelajar dijangka akan kurang terlibat dalam pelaburan. Didapati juga kebanyakan daripada mereka mempunyai tahap pengetahuan pelaburan yang rendah. Bagi tahap pengetahuan yang tinggi, tiada responden yang cenderung dijangka untuk terlibat aktif dalam pelaburan. Namun

bagi golongan dengan tahap pengetahuan yang rendah, lebih ramai daripada mereka dijangkakan akan cenderung melabur dengan aktif. Manakala bagi sikap terhadap pelaburan, kebanyakan responden bersikap negatif terhadap pelaburan dan mereka ini menjangkakan diri mereka akan kurang terlibat dalam pelaburan. Dalam hal ini, belia menganggap diri mereka mengetahui mengenai aspek-aspek pelaburan dengan mendalam, dengan itu mereka cenderung untuk melabur di masa hadapan. Walhal, mereka sebenarnya belum begitu memahami selok-belok pelaburan terutamanya berkaitan dengan risiko pelaburan. Manakala bagi mereka yang begitu memahami hal-hal pelaburan, mereka mengetahui mengenai risiko yang tinggi perlu dihadapi sekiranya berkehendakkan keuntungan yang besar dari pelaburan. Lanjutan dari itu, mereka yang arif mengenai pelaburan tidak begitu cenderung untuk melabur di masa hadapan.

Walaupun kerajaan telah menawarkan pelbagai jenis kursus pelaburan untuk memberi ilmu pengetahuan tentang pelaburan tetapi masih ramai belia IPT mempunyai jangkaan pelaburan yang rendah, tahap pengetahuan yang sederhana dan tinggi serta bersikap negatif terhadap pelaburan. Kajian ini penting bagi melihat kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan kewangan belia. Aspek pelaburan yang tidak diurus dengan baik disebabkan pengetahuan mengenai pelaburan yang rendah boleh membawa kepada risiko kewangan yang besar dalam pelaburan. Ketidaksediaan belia dalam menghadapi risiko pelaburan boleh mengancam kesejahteraan kewangan mereka.

Keputusan kajian ini memberi implikasi terhadap beberapa pihak lain terutamanya belia dan persatuan-persatuan belia. Dari perspektif belia, diharapkan hasil kajian ini akan dapat memberikan maklumat mengenai setakat manakah pengetahuan pelaburan dan sikap mereka terhadap pelaburan. Sebenarnya daripada hasil kajian didapati bahawa belia mempunyai asas pengetahuan pelaburan dengan menghadiri kursus pelaburan tetapi tidak semuanya melabur dan ada yang melabur dalam pelaburan yang tidak sihat. Bagi menangani masalah tersebut, pihak kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan harus memberi pendidikan pelaburan yang efektif dan berkesan serta membekalkan maklumat yang benar tentang aktiviti pelaburan bagi kepentingan pelajar dan belia secara umumnya.

Namun begitu, pihak kerajaan juga perlu bertanggungjawab untuk mengawal semua transaksi pelaburan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Dengan ini, kerajaan perlu terus memupuk serta mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan belia dengan memperkenalkan dasar-dasar kerajaan yang bermanfaat kepada pelajar dan belia. Selain itu, kerajaan juga boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan belia atau badan-badan kerajaan untuk merancang suatu strategi dan kempen yang sesuai untuk memastikan belia pelajar dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sewajarnya mengenai aspek pelaburan supaya mereka dapat membuat penilaian bijak berkaitan pelaburan. Sehubungan dengan itu, perkara ini dapat membantu belia pelajar dalam melindungi diri mereka daripada gejala pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi mereka melalui skim cepat kaya.

*Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA)

RUJUKAN

- Bailey, Jeffrey J., and Chris Kinerson. "Regret Avoidance and Risk Tolerance." *Financial Counseling and Planning* 16, no.1 (2005): 23-28.
- Benjamin, Daniel J., Sebastian A. Brown, and Jesse M. Shapiro. "Who is "Behavioral"? Cognitive ability and anomalous preferences." *Working paper Harvard University and University of Chicago*, March 2012. 1-27.
- Bernstein, Peter. L. *Against The Gods: The Remarkable Story of Risk*. New York: John Wiley & Sons, 1998.
- Cardak, Buly A., and Roger Wilkins. *The Determinants of Household Risky Asset Holdings: Australian Evidence on Background Risk and Other Factors*. September 9, 2008.
- Graham, John R., Campbell R. Harvey, and Hai Huang. "Investor Competence, Trading Frequency, and Home Bias." *Working paper, National Bureau of Economic Research*, 2004. No. 11426.
- Guiso, Luigi, and Tullio Jappelli. "Awareness And Stock Market Participation." *Review of Finance* 9, no.4 (2005): 537-567.
- Hanna, Sherman D., and Peng Chen. "Efficient Portfolios For Saving For College." *Financial Counseling and Planning* 7, no.1 (1996): 115-122.
- Hanna, Sherman D., and Peng Chen. "Subjective And Objective Risk Tolerance: Implications For Optimal Portfolios." *Financial Counseling and Planning* 8, no.2 (1997): 17-26.
- Haurin, Donald R., and Hazel A. Morrow-Jones. "The Impact of Real Estate Market Knowledge on Tenure Choice: A Comparison of Black and White Households." *Housing Policy Debate* 17, no.4 (2006): 625-653.
- Heath, Chip, and Amos Tversky. "Preference and belief: Ambiguity and Competence In Choice Under Uncertainty." *Journal of Risk and Uncertainty* 4, no.1 (1991): 5-28.
- Hilgert, Marianne A., Jeanne M. Hogarth, and Sondra G. Beverly. "Household Financial Management: The Connection Between Knowledge And Behavior." *Federal Reserve Bulletin* 89, no.7 (2003): 309-322.

- Hogarth, Jeanne M., Sondra G. Beverly, and Marianne Hilgert. "Patterns of Financial Behaviors: Implications for Community Educators and Policymakers." *Federal Reserve System Community Affairs Research Conference*. February, 2003. 1-29.
- Jabatan Perdana Menteri. *Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Unit Perancangan Ekonomi, Putrajaya, 2011.
- Jabatan Perdana Menteri. *Kesesuaian Takrifan Umur Belia di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPFBM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Putrajaya, 2007.
- Jacobs-Lawson, Joy M., and Douglas A. Hershey. "Influence Of Future Time Perspective, Financial Knowledge And Financial Risk Tolerance On Retirement Saving Behaviors." *Financial Services Review*, no.14 (2005): 331-344.
- Lusardi, Annamaria, and Olivia S. Mitchell. "Financial Literacy And Planning: Implications For Retirement Well-Being." *Working paper, Dartmouth College and University of Pennsylvania*. 2006. No. 17078.
- Lusardi, Annamaria, and Peter Tufano. "Debt Literacy, Financial Experiences, And Overindebtedness." *Working paper, National Bureau of Economic Research*, 2009. No. 14808.
- Lusardi, Annamaria, Olivia S Mitchell, and Vilsa Curto. "Financial Literacy Among The Young: Evidence And Implications For Consumer Policy." Working paper, National Bureau of Economic Research, 2010. No. 15352.
- Mohamed, A. S. Celik Wang: *Pengurusan Wang Secara Bijak* (1st ed.). Kuala Lumpur: Penerbit AKPK, 2009.
- Petersen, Mitchell A. *Allocating Assets and Discounting Cash Flows: Pension Plan Finance*. Washington: DC, 1996.
- Stango, Victor, and Jonathan Zinman. *Fuzzy Math And Red Ink: When The Opportunity Cost Of Consumption Is Not What It Seems*. Mimeo: Dartmouth College, 2007.
- Sung, Jaimie, and Sherman D. Hanna. "Factors Related To Risk Tolerance." *Financial Counseling and Planning* 7, no.1 (1996): 11-20.
- Rahim, Husniyah Abd, and M. Fazilah Abdul Samad. "The Impact of Financial Management Practices on Financial Well-being of Families in Malaysia." *Malaysian Journal of Consumer*, no.12 (2009): 38-46.

Rooij, Maarten van, Annamaria Lusardi, and Rob Alessie. "Financial Literacy And Stock Market Participation." *Working paper, National Bureau of Economic Research*, 2007. No. 13565.

Volpe, Ronald P., Joseph E. Kotel, and Haiyang Chen. "A Survey Of Investment Literacy Among Online Investors." *Financial Counseling and Planning* 13, no.1 (2002): 1-13.

Profil Penulis

Kanmani A/P Subramaniam
Pelajar Master Sains Pengguna
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
gayatri.mani@yahoo.com / s.kanmani.upm@gmail.com

Mohamad Fazli Sabri, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
fazli@putra.upm.edu.my

Husniyah binti Abd. Rahim @Abdul Wahab, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
husniyah@putra.upm.edu.my